

TIMBALAN PERDANA MENTERI

YAB DATO' SERI DR WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL

UCAPAN MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI HARMONI 2018

Tempat:

MASJID MUHAMMAD AL FATEH, KEM WARDIEBURN, SETAPAK, KUALA LUMPUR

Tarikh:

Ahad, July 1, 2018

Saudara-saudari aktivis dakwah Gabungan Dakwah Malaysia,

Saya cukup berbesar hati dengan jemputan ke Majlis Sambutan Aidilfitri Harmoni 2018 ini. Peluang bersama saudara-saudari di majlis ini amat bermakna bagi saya. Kita sama-sama meraikan Aidilfitri sebagai **saat kemenangan**. Sebulan berpuasa pada bulan Ramadhan yang mulia telah melatih dan membersihkan kita. Al Quran menyebut bahawa **berpuasa akan meningkatkan ketaqwaan kita**.

InsyAllah, kesan ketaqwaan ini akan dilihat **pada jiwa dan keperibadian** kita. Ia akan tergambar pada **tingkah laku dan pertuturan kita**. Sesungguhnya sebaik-baik tauladan ialah Rasulullah s.a.w. Oleh itu, kita harus menilai pencapaian diri kita berdasarkan tauladan yang ditunjuk Rasulullah s.a.w.

Islam hari ini berhadapan dengan satu krisis. Wujud **berbagai interpretasi Islam** yang cuba memberi wajah baru pada Islam. Di antara kesan krisis ini ialah implikasi ke atas identiti Islam. Di satu ekstrim Islam dikaitkan dengan keganasan dan sikap jumud serta bengis. Wujud juga di sana golongan yang **mencampur adukkan Islam** dengan sentimen perkauman serta menjaja kebencian di antara sesama manusia. Akibatnya, wujud salah tanggapan terhadap Islam di kalangan orang-orang bukan Islam dan juga orang Islam sendiri.

Pada ketika yang sama, orang-orang Islam yang menolak pembawakan-pembawakan ekstrim ini dilabel sebagai membawa **Islam liberal**. Label ini digunakan untuk memberi gambaran seolah-olah golongan ini adalah golongan yang menyimpang.

Jika kita kembali kepada tauladan Rasulullah s.a.w., kita akan lihat bahawa Islam yang baginda bawa ialah **agama yang membawa rahmah**. Manusia tertarik kepada keperibadian Rasulullah s.a.w. kerana **kemuliaan akhlaknya, ketulusan tutur-katanya** dan sifat baginda yang **berhikmah**. Ketika baginda tiba di Madinah baginda telah menyatukan semua suku-suku dan penganut-penganut agama yang berbeza-beza di bawah satu naungan. Malahan, sebaik sahaja piagam Madinah di meterai, baginda telah mengistiharkan bahawa ummat ini (seluruh masyarakat Madinah) ialah **ummat yang satu**. Dalam membicarakan mengenai kedudukan suku-suku Yahudi, piagam Madinah turut menyebut bahawa mereka (suku-suku Yahudi) mempunyai **hak dan tanggungjawab yang sama** dengan orang-orang Islam.

Masyarakat Islam yang didirikan Rasulullah s.a.w. di Madinah ialah **masyarakat yang inklusif**. Hidup bersama dengan golongan-golongan bukan Islam bukanlah suatu yang asing atau luar biasa dalam Islam. Islam menganggap kepelbagaian manusia sebagai sebahagian dari sunnatullah. Al Quran mengajar kita supaya saling kenal-mengenal di antara kaum-kaum dan suku-suku yang berbeza.

Islam **tidak akan berkembang** jika para pendakwah asyik mewujudkan kerenggangan dan jurang sesama manusia. Orang lain **tidak akan tertarik** kepada keindahan Islam jika para pendakwah sendiri keliru di antara perjuangan memurnikan aqidah dengan sentimen asabiyah. **Kepetahan bercakap** saja tidak akan menjadikan dakwah kita berkesan jika akhlak kita tidak menunjukkan tauladan yang baik.

Al Quran mengajar kita supaya membalas kejahatan dengan kebaikan:

“Dan tidaklah sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang antaramu dan antara dia ada permusuhan seolah-olah telah menjadi teman yang sangat setia.”

(Al Fussilat: 34)

Ummat Islam harus sentiasa terdahulu dalam melakukan kebaikan.

Demikian juga, dalam menyampaikan Islam kepada manusia Al Quran mengajar kita menggunakan hikmah dan kata-kata yang baik (*bil hikmah wal mau'idzatul hasanah*):

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan kata-kata yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”

(An Nahl: 125)

Ayat di atas bukan sahaja menyuruh kita menggunakan hikmah dan kata-kata yang baik, ia turut mengingatkan kita bahawa Allah lebih mengetahui **siapa sebenar yang tersesat dan yang mendapat petunjuk**. Sebagai pendakwah, kita harus menganggap risalah yang kita sampaikan itu sebagai **peringatan untuk diri kita**. Jangan pula dalam kita menyampaikan risalah Islam kita hanya menyangka orang lain yang perlu diberi peringatan tetapi lupa untuk mengingatkan diri kita. Hassan Al Basri pernah berkata:

“Seorang mukmin sentiasa takut dirinya munafiq sedangkan seorang munafiq tidak merasa takut dia mungkin munafiq”.

Kata-kata Hasan Al Basri ini merupakan peringatan agar kita sentiasa meneliti diri sendiri ketika kita mengajak orang lain kepada Islam. **Perbaiki diri kita** agar kita sentiasa menjadi tauladan. Jangan lupa pada kelemahan diri dan sentiasalah memperbaiki diri sendiri.

Saya ingin merakamkan perasaan gembira saya dapat bersama-sama saudara-saudari baru. **Mendapat hidayah** adalah suatu yang amat berharga. Orang Islam yang dilahirkan dalam keluarga Islam juga turut memerlukan hidayah. Oleh, kita semua perlu sama-sama melalui perjalanan hidup ini dengan saling sokong-menyokong dan berpesan-memesan. Ikutlah Islam yang kita terima dari Rasulullah s.a.w. dan **bukan Islam yang sekadar ritual serta adat kumpulan atau bangsa tertentu**.

Saya juga gembira melihat sambutan ini turut dihadhiri oleh **tokoh-tokoh dari agama lain**. Ini adalah sebahagian dari sikap inklusif yang patut diamalkan oleh semua penganut Islam. Saya juga difahamkan juadah yang dihidangkan di sini adalah dari berbagai kumpulan etnik. Sikap inklusif dan menjangkau batasan kaum harus menjadi pendekatan kita di Malaysia. Inilah **saranan Al Quran dan tauladan yang ditunjuk Rasulullah s.a.w.**

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya dan maaf zahir batin. Semoga majlis ini akan mengeratkan lagi hubungan di antara kita dan semoga ia menjadi contoh dalam memupuk masyarakat yang harmoni.

Wa akhiru da`wana annilhamdulillahi rabbil `alamin.

© Hak Cipta © 2018, Jabatan Perdana Menteri

Source: <http://tpm.jpm.gov.my/tpm/ms/node/55>